



HEBAHAN KEPADA WARGA JABATAN PERTANIAN

PENANGGUHAN PROGRAM AKIBAT SITUASI SEMASA

JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19)

DI MALAYSIA

Merujuk kepada kenyataan media Kementerian Kesihatan Malaysia pada 11 Mac 2020, adalah dimaklumkan bahawa semua program atau aktiviti yang melibatkan perhimpunan orang ramai **DITANGGUHKAN** atau **DIBATALKAN** sehingga dimaklumkan kelak.

Berikut adalah saranan dari Kementerian Kesihatan Malaysia:

- i. Semua perhimpunan yang melibatkan orang ramai ditangguhkan bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID-19 berlaku;
- ii. Sekiranya mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan, dinasihatkan agar tidak menghadiri program yang melibatkan orang ramai atau tempat yang padat termasuk aktiviti keagamaan;
- iii. Individu yang bergejala dinasihatkan agar menjarakkan diri (*social distancing*) sekurang-kurangnya satu meter bila berhadapan dengan individu lain;

- iv. Orang ramai tidak melancong ke negara-negara yang sedang mengalami wabak jangkitan COVID-19; dan
- v. Rakyat Malaysia yang mengalami gejala jangkitan saluran pernafasan tidak melawat kawasan-kawasan lain di Malaysia.

Diharap semua warga Jabatan Pertanian mematuhi saranan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi mencegah penularan wabak COVID-19.

Ketua Pengarah Pertanian
Jabatan Pertanian
Malaysia
13 Mac 2020